
Title	Karya Masuri S.N. dari sudut wacana
Author	Sanat Md. Nasir
Source	<i>Seminar Masuri S. N (2008), Singapura, 26 – 27 Julai 2008</i>

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Karya Masuri S.N. dari Sudut Wacana

Sanat Md. Nasir

Universiti Teknologi Nanyang, Singapura

Kertas kerja ini ingin melihat penggunaan aspek wacana, iaitu tautan dalam sajak-sajak Masuri S.N. Sajak-sajak tersebut diambil daripada antologi sajak *Awan Putih* (Kumpulan sajak-sajak 1944-1951) dan *Suasana Senja* (Kumpulan Sajak 1995-2001). Seterusnya, perbandingan akan dibuat berdasarkan kedua-dua antologi tersebut. Dengan melalui upaya tautan, dapat ditunjukkan penggunaan tautan penghubung ayat. Perbandingan jenis, subjenis dan unsur tautan itu dapat dilakukan untuk mengukuhkan perbandingan di antara antologi tersebut. Demikian juga, dengan melihat pola penggunaan jenis, subjenis dan unsur tautan penghubung ayat, dapat ditunjukkan pola pemikiran Masuri S.N. dalam kedua-dua antologi sajak tersebut. Oleh sebab antologi ini diambil berdasarkan karya awal dan akhir beliau, kesimpulan dapat dibuat tentang penggunaan aspek wacana tersebut sama ada berlaku perubahan yang besar atau sebaliknya.

PENGENALAN

Kertas ini bertujuan untuk melihat penggunaan salah satu aspek wacana, iaitu tautan dalam sajak Masuri S.N. Tautan ini pula hanya yang berkaitan dengan penghubung ayat. Jenis, subjenis dan unsur penghubung ayat diteliti melalui dua buah antologi sajak yang dipilih, iaitu *Awan Putih* dan *Suasana Senja*. *Awan Putih* merupakan karya awal beliau yang mengandungi 80 buah sajak yang dihasilkan dari 1944 hingga 1951 manakala *Suasana Senja* pula sebagai karya akhir yang terdiri daripada 199 buah sajak dari 1995 hingga 2001. Perbandingan dibuat di antara kedua-dua hasil tersebut dari segi pola penggunaan jenis, subjenis dan unsur tautan penghubung ayat dan seterusnya mengaitkan dapatan kajian dengan pemikiran beliau sama ada berlaku perubahan besar dalam batas waktu yang cukup panjang di antara kedua-dua antologi tersebut.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang berhubung dengan wacana, khususnya tautan mula berkembang sejak tahun 70-an. Kajian sarjana tempatan dalam bidang tautan di peringkat kedoktoran terserlah hanya pada tahun 90-an. Kajian Sanat (2002) yang meneliti lidah pengarang akhbar *Utusan Zaman* mengemukakan model kajian yang dikenali dengan Model Tautan Pindaan (MTP) untuk menganalisis tautan. Beliau menjeniskan tautan kepada tiga, iaitu Tautan Perulangan, Tautan Kolokasi dan Tautan Penghubung Ayat. Setiap jenis ini mempunyai pecahannya. Malah, *Tatabahasa Dewan* (2008) dalam edisi ketiganya telah memuatkan aspek wacana di bawah tajuk Ayat dan Wacana dan memberikan sorotan yang lebih kepada tautan sebagai penanda wacana. Setakat yang diteliti, belum ada yang membuat kajian aspek tautan sajak Masuri S.N. berdasarkan antologi yang dikaji.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kuantitatif dan tafsiran dengan menggunakan pembahagian dalam model Sanat (2002) tetapi hanya yang berkaitan dengan tautan penghubung ayat. Tautan

penghubung ayat terdiri daripada lima jenis, iaitu Tautan Penghubung Ayat Tambahan (PH1), Tautan Penghubung Ayat Tentangan (PH2), Tautan Penghubung Ayat Sebab-Musabab (PH3), Tautan Penghubung Ayat Waktu (PH4), dan Tautan Penghubung Ayat Terusan (PH5). Dapatan analisis kuantitatif digunakan untuk membuat tafsiran, termasuklah dari segi pemikiran pengarang.

Data tautan penghubung ayat dikutip berasaskan konsep tautan tersebut, iaitu yang hanya melibatkan antara dua ayat. Dalam kes ini, penghubung ayat itu ditulis mula dengan huruf besar, tidak didahului dengan tanda titik bertindih atau koma bertitik kerana kedua-dua itu menggambarkan masih dalam ayat yang sama. Jika berlaku sebelum koma atau tanpa titik, itu dianggap mengikut format sajak. Ada data selain antara ayat, juga melibatkan ayat antara perenggan dan di awal sajak. Contoh data terdapat dalam Lampiran I dan II.

KONSEP

Wacana di sini dilihat sebagai unit tertinggi tatabahasa. Tatabahasa yang melibatkan wacana dipanggil tatabahasa wacana. Dalam wacana ini, ada aspek tautan yang dilihat sebagai peranti luaran yang meyatukan teks. Tautan didefinisikan sebagai hubungan struktural dan atau semantik antara unit teks atau ayat. Oleh itu, tautan dikatakan penentu teks. Di sini, tautan penghubung ayat sebagai konsep tautan berbeza dengan tautan yang lain kerana yang bertaut ialah ayat awal dengan yang mengikutinya. Penghubung ayat yang di awal ayat kedua itu tidak dianggap tautan tetapi penanda tautan.

ANALISIS

Kajian penuh terhadap antologi *Awan Putih* terdapat dalam Lampiran II. Dalam analisis itu, didapati kelima-lima jenis tautan penghubung ayat hadir. Secara urutan, yang tertinggi ialah Jenis Tentangan (PH2) dengan 8 subjenis (36.36%) dan 37 unsur (39.78%); yang kedua tertinggi, Jenis Tambahan (PH1), 5 subjenis (22.73%) dan 30 unsur (32.26%); yang ketiga, Jenis Sebab-Musabab (PH3), 5 subjenis (22.73%), 17 unsur (18.28%). Manakala yang kedua terakhir ialah Jenis Waktu (PH4), 2 subjenis (9.09%), 7 unsur (7.53%); dan yang terendah ialah Jenis Terusan (PH5), 2 subjenis (9.09%), 2 unsur (2.15%).

Dari segi jumlah subjenis dan unsur, antologi ini mempunyai masing-masing 22 subjenis dan 93 unsur daripada 80 buah sajak yang berketebalan 85 halaman. Oleh itu, didapati setiap jenis mempunyai 4.40 subjenis; setiap halaman terdapat 0.26 subjenis dan 1.09 unsur; setiap subjenis mempunyai 4.23 unsur; manakala setiap sajak mempunyai 1.16 unsur.

Analisis terhadap *Suasana Senja* pula dapat dilihat dalam Lampiran IV. Masih wujud kelima-lima jenis tautan penghubung ayat. Didapati Jenis Waktu (PH4) yang tertinggi dengan 10 subjenis (40.00%) dan 17 unsur (39.55%); yang kedua tertinggi, Jenis Tentangan (PH2), 9 subjenis (36.00%) dan 11 unsur (25.58%); yang ketiga ialah Jenis Sebab-Musabab (PH3), 3 subjenis (12.00%) dan 8 unsur (18.60%); manakala yang kedua terendah ialah Jenis Terusan (PH5) dengan 2 subjenis (8.00%) dan 6 unsur (13.95%); dan yang terendah, Jenis Tambahan (PH1), 1 subjenis (4.00%) dan 1 unsur (2.32%).

Antologi ini mempunyai 25 subjenis dan 43 unsur daripada 199 buah sajak yang tebalnya 221 halaman. Dengan demikian, dilihat setiap jenis mempunyai 5.00 subjenis; setiap halaman terdapat 0.11 subjenis dan 0.19 unsur; setiap subjenis mempunyai 1.72 unsur; sedangkan setiap sajak pula mempunyai 0.22 unsur.

PERBANDINGAN

Kedua-dua antologi ini mempunyai persamaan dari segi jumlah jenis tautan penghubung ayat, iaitu masing-masing mempunyai 5 jenis. Tetapi, dari segi urutan kehadiran unsur tautan, kedua-duanya berbeza. *Awan Putih* mempunyai Jenis Tentangan paling tinggi dan diikuti dengan Jenis Tambahan dan yang terendah Jenis Terusan, manakala *Suasana Senja* pula yang tertinggi, Jenis Waktu dan diikuti dengan Jenis Tentangan dan yang terendah ialah Jenis Tambahan.

Kecuali dari segi min jenis dengan subjenis, dari segi setiap halaman, setiap subjenis dan setiap sajak, min subjenis dan unsur didapati *Awan Putih* lebih tinggi daripada *Suasana Senja*.

INTERPRETASI

Jenis Tautan Penghubung Ayat Tentangan tertinggi dalam *Awan Putih* dapat dikaitkan dengan keadaan ketidakpuasan masyarakat yang terjajah. Penyair sebagai perakam dan penggerak semangat masyarakat, tidak ketinggalan dalam menggunakan sajak untuk meniupkan kesedaran dan meminta perubahan itu. Ini selari dengan konsep harapan yang dibayangkan dengan jenis *Awan Putih*. Sebaliknya, *Suasana Senja* merakamkan zaman yang sudah merdeka dan berubah. Dimensi waktu sangat penting dalam kehidupan kini. Dan ini tergambar dalam penggunaan Jenis Tautan Penghubung Ayat Waktu. Pemikiran Masuri S.N. jelas berubah melalui zaman yang berbeza tuntutan daripada ketidakpuasan kepada pengisian kehidupan.

Perbezaan dari segi bilangan unsur yang semakin mengurang dalam *Suasana Senja*, dapat ditafsirkan sebagai perubahan gaya kepengarangan yang lebih bersifat ringkas dan padat sehingga memerlukan waktu untuk memahaminya. Ini dapat dikaitkan dengan konsep keberkesanan dan kecekapan. Hal ini menggambarkan perubahan daripada format tradisional yang mirip kepada pantun kepada genre baru yang lebih bebas.

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan wujud upaya tautan dalam wacana untuk melihat penggunaan bahasa secara fungsional melalui teks sajak. Upaya tersebut menunjukkan wujud hubungan antara teks dengan tempoh ciptaan teks. Masuri S.N. berjaya menggambarkan upaya ini walaupun deskripsi tentang tautan penghubung ayat tidak kedengaran dahulu. Yang jelas, penggunaan bahasa mendahului deskripsi bahasa. Inilah yang menjadi kekangan kita sebagai ahli bahasa.

Rujukan

- Fairclough, N. (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
 Fairclough, N. (1992). *Critical Discourse Analysis*. London: Longman.
 Fairclough, N. (2001). *Language and Power*, Edisi Kedua. London: Longman.
 Fairclough, N. (2003). *Analyzing Discourse*. London: Routledge.
 Nik Safiah Karim, et al. (2008). *Tatabahasa Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Sanat Md. Nasir (2002). *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN I

CONTOH DATA TAUTAN PENGHUBUNG AYAT AWAN PUTIH

Bakti Pemuda

Semua pemuda berasa megah
Sebab dirinya dijunjung julang. (4)
 Harapan Nusa semarak Watan,
Padahal bakti haram tiada (4)

Semangat Bekerja

Adakah pernah mengeluh rungsing,
Walhal bergerak setiap hari. (6)

Sepantun Ombak Melandai

Ombak di tengah pantai di tepi,
Tapi ombak yakin percaya (9)

Jangan Menangis

Akan percuma penat-lelahmu
Namun yang pergi tak akan pulang. (18)

Menggubah Madah

Bingung kelana menimbang rasa
Sebab semua elok berseri. (19)

Kampung Halaman

Pohon kelapa tegak merendang,
Hanya yang ada murai menyanyi (20)
 Hanya yang ada murai menyanyi
Namun hatiku terpaut sayings. (20)

Tujuan Bakti

Bukan harta bukan berbangga,
Hanya derita mengepung diri (21)
 Akan percuma penat berjuang
Sedang hasilnya lenyap terberai. (21)
 Sedang hasilnya lenyap terberai.
Sebab keadaan terang membayang (21)

Sama Sebangsa

Jawabnya mudah
Sebab kita pantang memandang (26)
 Kita pun turut terpandang
Sebab antara dia dan kita (26)

Matahari

Yang memancar
Hanya jadi pagar (28)
Melawan sang matahari?
Hanya ratu bulan (28)

Untuk Bangsa

Pada pemuda bangsa.
Sebab telah banyak puji (29)
Dijunjung tinggi
Tetapi segala puji (29)
Tidak berbakti.
Sebab saya bimbang (29)
Nama pemuda gugur ke bumi.
Kerana itu pemuda bangsa (29)

Jasa

Tiada timbul lagi!
Hanya jasa tulen (31)
Menjadi debu.
Hanya insan bakti (31)

Erti Derita

Adakah sungguh berhati waja
Atau hanya emas sepuhan. (32)
Jiwa besar nan besar kata,
Hanya derita timbul tenggelam (32)

Kupandang

Segara mencapai sinar bahagia.
Hanya satu hatiku sayu (33)

LAMPIRAN II**ANALISIS TAUTAN JENIS DAN SUJENIS PENGHUBUNG AYAT DAN UNSURNYA
AWAN PUTIH****A. Jenis Tambahan (PH1)(5 Subjenis(22.73%), 30 Unsur: (32.26%)**

1. Atau (32), (40), (48), (53), (59), (76), (76), (78), (83) = 9 (30.00%), (9.68%)
2. Juga (38), (70) = 2 (6.67%), (2.15%)
3. Dan (40), (48), (55), (57), (60), (61), (61), (61), (62), (75), (80), (81), (81), (82), (84), (85), (86) = 17 (56.67%), (18.29%)
4. Pun (71) = 1 (3.33%), (1.07%)
5. Apalagi (85) = 1 (3.33%), (1.07%)

Jumlah: 30 (100.00%), (32.26%)

B. Jenis Tentangan (PH2) (8 Subjenis: (36.36%), 37 Unsur: (39.78%))

1. Padahal (4) = 1 (2.70%), (1.08%)
2. Walhal (6) = 1 (2.70%), (1.08%)
3. Tapi/Tetapi (9), (29), (34), (36), (38), (41), (46), (47), (48), (56), (69), (75), (79), (83), (85) = 15 (40.54%), (16.13%)
4. Namun (18), (20) = 2 (5.41%), (2.16%)
5. Hanya (20), (21), (28), (28), (31), (31), (32), (33), (76) = 9 (24.32%), (9.68%)
6. Sedang (21), (55), (59), (63), (83), (85) = 6 (16.22%), (6.45%)
7. Hakikatnya (57) = 1 (2.70%), (1.08%)
8. Cuma (74), (80) = 2 (5.41%), (2.16%)

Jumlah: 37 (100.00%), (39.78)

C. Jenis Sebab-Musabab (PH3) (5 Subjenis: (22.73%), 17 Unsur: (18.28%)

1. Sebab (4), (19), (21), (26), (26), (29), (29) = 7 (41.18%), (7.52%)
2. Kerana (29), (49), (55), (56), (77), (85), (86) = 7 (41.18%), (7.52%)
3. Agar (40) = 1(5.88%), (1.08%)
4. Jadi (63) = 1 (5.88%), (1.08%)
5. Tentu (81) = 1 (5.88%), (1.08%)

Jumlah: 17 (100.00%), (18.28%)

D. Jenis Waktu (PH4) (2 Subjenis: (9.09%), 7 Unsur: (7.53%)

1. Sekarang (54), (54), (57), (65), (65), (68) = 6 (85.71%), (6.45%)
2. Sebelumnya (81) = 1 (14.29%), (1.08%)

Jumlah: 7 (100.00%), (7.53%)

E. Jenis Terusan (PH5) (2 Subjenis: (9.09%), 2 Unsur: (2.15%)

1. Maka (40) = 1(50.00%), (1.08%)
2. Lalu (56) = 1(50.00%), (1.08%)

Jumlah: 2 (100.00%), (2.15%)

Catatan:

5 Jenis dan 22 Subjenis (100.00%), 93 Unsur (100.00%)

85 Halaman teks

80 Sajak

Min 4.40 Subjenis setiap jenis

Min 0.26 Subjenis setiap halaman

Min 1.09 Unsur setiap halaman

Min 4.23 Unsur setiap subjenis

Min 1.16 Unsur setiap sajak

LAMPIRAN III

CONTOH DATA TAUTAN PENGHUBUNG AYAT SUASANA SENJA

Surat Dari Daerah Pagi

... sekarang telah terangkat

Kerana masih belum bangun... (38)*Singgah Sejenak*

...diri kepunyaan-Nya akan dikembalikan.

Kerana manusia tidak tersendiri... (42)*Membenarkan Kepapaan*

Akhirnya kita bercakap... (43)

Sekuntum Senyum

...puisi Melayu baru.

Sesungguhnya dengan penamu... (74)*Peristiwa*

...mendapat izin pengerusi.

Bagaimanapun telah terjadi... (76)

Rangka Sebuah Novel

...menikam dada yang kurang keyakinan.

Akhirnya apa yang kau mahukan? (80)*Kececeran*

...memandang sekitar sendiri kececeran.

Dulunya di sini ... (88)

...makna dan kebenaran.

Dulunya di sini... (88)

puncak keutamaan manusia beriman.

Sekarang di sini... (88)*Waktu Menulis Ini*

Tak tahu aku

bakal menemui.

Barangkali ada suara memanggilku... (106)*Segala Pintu Masuk Ke Hatinya*

...tidak tercapai oleh dunianya.

Tiba-tiba terasa segar sukmanya... (110)

Keangkuhan

... kota telah kumakmurkan.
Maka semakin digerakkan... (137)
... maka apalagi, katakanlah!
Maka semakin digerakkan... (137)

Tutup Tahun

Tidak siapa berani berkata aku berhak dan aku memiliki kuasa.
Kerana semuanya lahir dari kehendak Allah yang maha kuasa. (142)
Kerana semuanya lahir dari kehendak Allah yang maha kuasa.
Jadinya tutup tahun setiap tahun membuatku lebih mahfum. (142)

Ada Waktu

...yang hidup bernyawa.
Cumanya kita... (149)

Jiran

...anjing-anjingnya yang galak
sekadar melalak.
Begini pun aku pelan-pelan ... (152)

Tidak Ada

Tidak ada yang dapat disebut
Atau akan dibuang.
Barangkali kau berfikir... (155)

Yang Diburu

Di sini di mana-mana... (156)
...kelajuan diyutamakan raja.
Di sini semua yang bergerak... (156)

Sebenarnya Saya Ingin

Sebenarnya saya ingin
bukan sekadar berharap... (166)

Telah Kuberikan

... tapi apa?
Memang tidak kelihatan... (168)

LAMPIRAN IV**ANALISIS TAUTAN JENIS DAN SUJENIS PENGHUBUNG AYAT DAN UNSURNYA
SUASANA SENJA****A. Jenis Tambahan (PH1)(1 Subjenis(4.00%), 1 Unsur: (2.32%)**

1. Lagi pun (201) = 1 (100.00%)

Jumlah: 1 (100.00%), (2.32%)

B. Jenis Tentangan (PH2) (9 Subjenis: (36.00%), 11 Unsur: (25.58%)

1. Sesungguhnya (74), (195), (225) = 3 (27.28%), (6.98%)
2. Bagaimanapun (76) = 1 (9.09%), (2.33%)
3. Cumanya (149) = 1 (9.09%), (2.33%)
4. Sebenarnya (166) = 1 (9.09%), (2.33%)
5. Memang (168) = 1 (9.09%), (2.33%)
6. Rupanya (171) = 1 (9.09%), (2.33%)
7. Tapi (212) = 1 (9.09%), (2.33%)
8. Sayangnya (214) = 1 (9.09%), (2.33%)
9. Hanya (240) = 1 (9.09%), (2.33%)

Jumlah: 11 (100.00%), (25.58%)

C. Jenis Sebab-Musabab (PH3) (3 Subjenis: (12.00%), 8 Unsur: (18.60%)

1. Kerana (38), (42), (142), (177), (214), (238) = 6 (75.00%), (13.95%)
2. Jadinya (142) = 1 (12.50%), (2.33%)
3. Jadi (213) = 1 (12.50%), (2.33%)

Jumlah: 8 (100.00%), 18.60%

D. Jenis Waktu (PH4) (10 Subjenis: (40.00%), 17 Unsur: (39.55%)

1. Akhirnya (43), (80) = 2 (11.76%), (4.65%)
2. Dulunya (88), (88) = 2 (11.76%), (4.65%)
3. Sekarang (88) = 1 (5.88%), (2.33%)
4. Barangkali (106), (155) = 2 (11.76%), (4.65%)
5. Tiba-tiba (110), (223) = 2 (11.76%), (4.65%)
6. Begini pun (152) = 1 (5.88%), (2.33%)
7. Di sini (156), (156), (178), (230) = 4 (23.53%), (9.30%)
8. Sehingga (201) = 1 (5.88%), (2.33%)
9. Begini sekarang (222) = 1 (5.88%), (2.33%)
10. Begini (234) = 1 (5.88%), (2.33%)

Jumlah: 17 (100.00%), (39.55%)

E. Jenis Terusan (PH5) (2 Subjenis: (8.00%), 6 Unsur: (13.95%)

1. Maka (137), (137) = 2 (33.33%), (4.65%)
2. Lalu (219), (223), (224), (243) = 4 (66.67), (9.30%)

Jumlah: 6 (100.00%), (13.95%)

Catatan:

5 Jenis dan 25 Subjenis (100.00%), 43 Unsur (100.00%)

221 Halaman teks

199 Sajak

Min 5.00 Subjenis setiap jenis

Min 0.11 Subjenis setiap halaman

Min 0.19 Unsur setiap halaman

Min 1.72 Unsur setiap subjenis

Min 0.22 Unsur setiap sajak